

2,166 mangsa banjir dipindah

Situasi bah di Kelantan, Terengganu kian buruk; Pahang terkawal

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad, Rosli Abdul Jalil, Hanneeyzah Bariah Baharin dan Amir Hamzah Nordin
bhnews@bharian.com.my

KOTA BHARU: Situasi banjir di Kelantan dan Terengganu bertambah buruk, manakala keadaan di Pahang makin terkawal dengan keseluruhannya membabitkan 2,166 mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan sementara di ketiga-tiga negeri berkenaan.

Sehingga jam 6 petang semalam, Kelantan mencatat seramai 976 mangsa banjir di 15 pusat pemindahan sementara membabitkan enam jajahan, berbanding 137 orang kelmamin, manakala Terengganu turut mencatat peningkatan mangsa kepada 946 orang dari 243 keluarga yang ditempatkan di 26 pusat pemindahan di empat daerah, berbanding 667 mangsa dari 179 keluarga kelmamin.

Di **KELANTAN**, jajahan paling ramai mangsa dipindahkan ialah Pasir Mas dengan 684 orang, diikuti Kota Bharu (192 orang); Bachok (68 orang); Pasir Puteh (15 orang); Tanah Merah (seorang) dan Tumpat (12 orang).

Paras air Sungai Golok di Rantau Panjang melebihi paras bahaya iaitu 10.23 meter, manakala Sungai Kelantan di Tambatan D'raja melebihi paras berjaga-jaga iaitu 3.61 meter.

Enam jalan ditutup untuk kenderaan ringan membabitkan lima jalan di Pasir Mas iaitu Jalan Pengkalan Rakit; Pohon Tanjung-Rantau Pan-



MURID Sekolah Kebangsaan Cherating berkaki ayam menaiki bas kerana air masih belum surut sepenuhnya di Kuantan, semalam.

jang; Pohon Tanjung-Meranti; Jalan Tendong-Bunut Susu-Gelang Mas; Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu dan Tanah Merah, Jalan Cabang Empat, Kampung Jambu dan Meranti.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri, Roslee Mamat, berkata memandangkan tengkujuh belum menunjukkan tanda pulih sepenuhnya, orang ramai dinasihatkan berjaga-jaga.

Di **TERENGGANU**, daerah Setiu mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 479 orang dari 115 keluarga yang dipindahkan ke 11 pusat pemindahan, diikuti Hulu Terengganu membabitkan 406 mangsa dari 113 keluarga yang dipindahkan ke lapan

pusat pemindahan.

Jurucakap Bilik Gerakan Bencana Negeri, berkata jumlah mangsa banjir di Kemaman juga meningkat kepada 47 orang dari 11 keluarga yang dipindahkan ke empat pusat pemindahan, selain lapan mangsa dari dua keluarga di Marang dan enam mangsa dari dua keluarga di Dungun dipindahkan ke tiga pusat pemindahan.

FAKTA NOMBOR

976
penduduk

Mangsa banjir dipindah di Kelantan

Di **KUANTAN**, Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, walaupun hujan masih berterusan sehingga semalam tetapi tiada kawasan baru dinaiki air.

Sementara itu, paras air Sungai Tembeling, Jerantut meningkat ekoran hujan lebat hampir sepanjang hari sejak awal minggu ini di kawasan Hulu Tembeling.

Penduduk Mukim Hulu Tembeling di persisiran sungai, iaitu Kampung Pagi, Kampung Kuala Sat, Kampung Bantai, Kampung Gusai, Kampung Mat Daling dan penempatan Orang Asli Sungai Kucing bersiap sedia untuk berpindah jika berlaku kemungkinan bencana itu pada awal tahun ini.

Sementara itu, di **KOTA BHARU**, tiga kakitangan kumpulan Media Prima Bhd (MPB) diselamatkan orang kampung, apabila bot yang mereka naiki, tenggelam ketika menjalankan tugas di Kampung Bendang Pak Yong, Tumpat, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 2.30 petang itu, jurugambar New Straits Times (NST), Fathil Asri, 37; juru kamera TV3, Mohd Azizi Adnan, 36 dan wartawan TV3, Mohd Harris Hazri Abdul Halim, 35, tenggelam bersama peralatan mereka, apabila sampan gentian dikemudikan pemuda yang dikenali sebagai Man tiba-tiba tenggelam.

Mereka bernasib baik, apabila teriakan meminta tolong didengari orang kampung.